

12 SEP 2003  
BAJET-FELDA  
FELDA AKAN DISENARAIKAN DI BSKL

KUALA LUMPUR, 12 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengumumkan bahawa Felda akan disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Beliau berkata Felda yang merupakan sebuah syarikat perladangan terbesar berpotensi untuk diperkenalkan sebagai jenama antarabangsa dan sahamnya dijangka akan menjadi antara saham-saham mewah di BSKL.

Dengan penyenaian itu, Felda akan berupaya mendapatkan modal daripada pasaran dan tidak lagi perlu bergantung kepada kerajaan untuk sumber kewangannya, kata Dr Mahathir ketika membentangkan Bajet 2004 di Dewan Rakyat.

Pada masa yang sama, beliau berkata kerajaan juga akan mendapat pulangan daripada penyenaian itu yang juga akan memberi faedah kepada Kumpulan Felda, peneroka dan koperasi serta kerajaan negeri yang telah memberi tanah untuk dibangunkan sebagai ladang Felda.

Perdana Menteri berkata peneroka Felda akan mendapat peluang untuk memegang ekuiti dalam syarikat yang disenaraikan iaitu sebagai ahli dan individu.

Menurutnya, cadangan untuk menyenaraikan Felda di BSKL adalah selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang bertujuan membolehkan Bumiputera memiliki ekuiti sekurang-kurangnya 30 peratus dalam sektor korporat.

"Adalah diharapkan saham ini tidak dijual oleh Bumiputera," kata beliau.

Dr Mahathir juga berkata Dana Saham Amanah Kedua iaitu Dana Harapan akan ditubuhkan sebagai langkah ke arah memperluaskan lagi peluang pelaburan khususnya kepada Bumiputera melalui saham amanah.

Dana itu akan diurus oleh pengurus dana profesional serta berpengalaman dan akan menggembelng tabungan dan modal Bumiputera.

Perdana Menteri berkata kerajaan mempunyai banyak aset yang bernilai tinggi yang masih belum digunakan sepenuhnya dan bagi memaksimumkan pulangan, kerajaan akan mengambil langkah untuk "unlock" aset berkenaan.

Ia secara langsung akan menambah kewangan kerajaan di samping memberi peluang kepada pihak tertentu mengguna aset-aset itu untuk menjana pulangan dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi, kata Dr Mahathir.

Bank Negara Malaysia (BNM) pula, katanya, akan menerbitkan bon secara berkala bagi golongan pesara yang berumur 55 tahun ke atas serta tidak mempunyai pekerjaan tetap.

Bon itu akan mempunyai tempoh matang selama dua tahun dengan pulangan lima peratus setahun iaitu melebihi kadar faedah simpanan dan kerajaan mencadangkan pulangan daripada bon tersebut dikecualikan daripada cukai pendapatan.

Dr Mahathir berkata untuk menghargai perkhidmatan dan pengorbanan anggota beruniform yang telah bersara, terbitan bon itu akan dibuka kepada mereka yang telah bersara wajib.

Menurutnya, kerajaan prihatin terhadap kesan rejim kadar faedah yang rendah kepada golongan yang bergantung kepada pendapatan daripada simpanan di institusi kewangan. -- BERNAMA

MKO NHD